

Bomoh hadapi tuduhan rogol empat pesakit

Oleh SHAH NIZAM OMAR

shahnizam.omar@kosmo.com.my

KLANG - Seorang bomoh mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini semalam atas lima tuduhan merogol empat wanita termasuk dua remaja semasa merawat mangsa sejak tahun 2008.

Meswan Tujut, 42, membuat pengakuan itu selepas kelima-lima pertuduhan dibacakan dalam dua perbicaraan berasingan di mahkamah tersebut semalam.

Di hadapan Hakim Siti Noraida Sulaiman, tertuduh didakwa merogol seorang remaja berumur 15 tahun di sebuah rumah di Sungai Udang, Klang di antara pukul 1 petang hingga 3 petang pada April 2008.

Meswan didakwa mengikut Seksyen 376 Kanun Keseksaan dan boleh dihukum penjara sehingga 20 tahun dan sebatan jika sabit kesalahan.

Di mahkamah yang sama, Meswan juga didakwa merogol seorang wanita berumur 22 tahun sebanyak dua kali dalam sebuah rumah di Sungai Nibong, Sekinchan pada pukul 8.10 malam, 8 dan 15 Mac lalu.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 376 (2)(F) Kanun Keseksaan dan boleh dihukum tidak lebih 30 tahun penjara dan juga sebatan.

Meswan kemudian dibawa menghadiri satu lagi perbicaraan di hadapan Hakim Sharidah Awang di bangunan mahkamah yang sama untuk tuduhan merogol seorang wanita berusia 21 tahun di sebuah rumah di Sungai Nibong, Sekinchan dekat sini pada 8 malam, September 2010.

Meswan turut menghadapi satu lagi tuduhan merogol seorang remaja berusia 13 tahun di sebuah rumah di Sungai Udang, Klang pada Oktober 2008 di antara pukul 1.30 petang hingga 3 petang.

Bagi kedua-dua tuduhan itu, Meswan didakwa mengikut Seksyen 376 Kanun Keseksaan dan boleh dihukum penjara sehingga 20 tahun serta sebatan.

Meswan tidak diwakili peguam manakala pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Shahrul Ekhsan Hasim.

Shahrul Ekhsan meminta mahkamah tidak membenarkan ikat jamin ke atas tertuduh memandangkan jenayah yang dilakukan adalah berat selain menjaga keselamatan awam.

Kedua-dua hakim yang mendengar perbicaraan itu menerima cadangan pihak pendakwa dengan tidak membenarkan ikat jamin serta menetapkan 18 Mei depan untuk sebutan semula kes.



MESWAN menghadapi lima tuduhan merogol empat wanita di Mahkamah Sesyen Klang semalam.